

BAB DUA

Tinjauan Kajian dan Penulisan yang Berkaitan

Takrif Pelbagai Budaya

Dewasa ini kita sering mendengar dan membincangkan hal-hal kebudayaan. Ada yang menganggap kebudayaan semata-mata berkisar kepada nyanyian dan tarian sahaja.

Menurut Ahmad Atory (1984), pengkaji-pengkaji masyarakat telah mengumpulkan 160 buah definisi bagi menghuraikan maksud kebudayaan. Namun demikian, satu definisi yang lumrah diterima umum ialah kebudayaan itu adalah suatu keseluruhan yang rumit yang di dalamnya terkandung hukum-hukum, ilmu pengetahuan, politik, ekonomi, adat istiadat dan segala perlakuan sama ada yang tersirat atau tersurat bagi masyarakat itu.

Menurut Williams (1970), budaya bermaksud seluruh objek material dan ideal-ideal kompleks yang digunakan oleh individu dalam suatu masyarakat untuk menjalankan kehidupan kolektif mereka. Menurutnya budaya mengandungi enam unsur yang utama, iaitu pengetahuan, kepercayaan, teknologi, bahasa, nilai, dan norma.

Mohd.Taib Osman (1988) menjelaskan bahawa kebudayaan merupakan cara hidup: cara mengatur hidup satu-satu kelompok manusia. Lebih penting daripada perbuatan hari-hari, seperti cara makan, cara beribadah,

cara menegur seseorang dan ciri-ciri lain seperti tanggapan alam sekitar atau 'world-view' dan nilai-nilai sosial atau 'ethnos', kedua-dua ciri inilah yang mewarnakan sesuatu budaya, dan menjadi pendorong bagi tindakan manusia.

Kebudayaan sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain adalah berbeza walaupun wujud apa yang dikatakan ciri-ciri keuniversalan. Sesuatu budaya itu akan berkembang mengikut kesanggupan masyarakatnya. Ada budaya yang dipadankan apabila berlaku pertembungan dengan pengaruh-pengaruh luar sama ada bagi mengisi kekosongan atau sebagai alternatif bagi menokok tambah yang sedia ada. Begitulah juga pengalaman terhadap budaya-budaya lain ialah hasil daripada pengalaman seharian dalam asimilasi dan akomodasi dalam pergaulan. Goodenough (1987) pula, mendefinisikan pelbagai budaya:

Multiculturalism as the normal human experience...Thus , most persons have already become proficient in multiple systems for perceiving, evaluating, believing, and acting according to the patterns of the various microcultures in which they participate. (hlm. 6)

Dalam usaha kita hendak membentuk kebudayaan kebangsaan, kita hendaklah berhati-hati memilih unsur-unsur yang segar dan positif, mengingat latar belakang masyarakat kita yang berbilang bangsa, ini kerana sesuatu kebudayaan itu hanya akan tahan dan kekal setelah melalui proses ujian masa dan mendapat persetujuan serta dukungan sepenuhnya daripada

masyarakat. Pendidikan pelbagai budaya harus mengambilkira latar belakang pelajar. Ini ditegaskan oleh Gollnick dan Chinn (1990) yang mendefinisikan pendidikan pelbagai budaya sebagai:

Multicultural education is the educational strategy in which students' cultural backgrounds are viewed as positive and essential in developing classroom instruction and school environments. It is design to support and extend the concepts of culture, cultural pluralism, and equality into the formal school setting. (hlm. 5)

Teori-teori Pelbagai Budaya

Teori Pembinaan (Theory Construction)

Vyas memerhati kaum Gujarat yang menetap di Britain. Beliau mendapati bahawa kaum Gujarat cuba mengadaptasikan diri mereka dengan persekitaran di Britain seperti menggunakan Bahasa Inggeris dalam pertuturan harian. Dalam pada itu kaum Gujarat juga cuba mengekalkan bahasa ibunda mereka, iaitu dengan menghantar anak-anak ke kelas Bahasa Gujarat yang diadakan pada hari sabtu. Berdasarkan kajiannya, Vyas merumuskan sekurang-kurangnya terdapat 2 dimensi dalam aspek pelbagai budaya, iaitu dimensi individu dan dimensi kumpulan. Aspek budaya pada peringkat kumpulan lebih menekankan kepada hubungan majoriti dengan

minoriti. Dimensi individu pula, lebih menekankan kepada perlakuan secara tersurat dan tersirat dalam kumpulan atau kumpulan-kumpulan tersebut. Asas kepada Teori Pembinaan merupakan suatu pembinaan yang dirancangkan berdasarkan persamaan dan perbezaan kebudayaan di antara individu dan juga di antara kumpulan. Kesemua unsur-unsur yang dikaji merupakan pengalaman individu dalam kehidupan seharian.

Teori Pembinaan berpendapat bahawa tiada perbezaan yang besar antara kumpulan-kumpulan yang mempunyai budaya yang berlainan. Sifat budaya adalah universal tetapi paradoksnya ialah, dalam masa yang sama terdapat perbezaan antara budaya satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Cara-cara tertentu dapat menggambarkan universaliti budaya yakni sebagai salah satu ciri-ciri yang ada pada semua manusia atau di mana mereka berada dan bagaimana cara hidup mereka, misalnya bagaimana mereka bekerja bagi meneruskan kehidupan untuk menguasai persekitaran.

Teori Pembinaan memberi garis panduan kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat dengan perancangan kurikulum. Panduan ini berasaskan kepada kefahaman di antara individu dan kumpulan yang berbagai budaya. Vyas mengambil contoh salah sebuah sekolah di Amerika Utara yang baru menerima seorang yang berbangsa Gujarat yang berasal India utara, pelajar tersebut mengalami berbagai masalah dalam aktiviti pemelajaran pada peringkat

permulaannya. Apabila Teori Pembinaan ini diaplikasikan kepada pelajar tersebut dengan mengambilkira perbezaan dan persamaan budaya, pelajar tersebut dapat menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut, dan dia dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekolah tersebut secara berdikari.

Dengan menerapkan Teori Pembinaan dalam pendidikan pelbagai budaya, para pelajar akan menganggap semua orang dalam sesuatu masyarakat mempunyai setengah-setengah tingkahlaku yang lebih kurang sama, dan bertingkahlaku yang seakan-akan sama dalam banyak hal. Ini menyebabkan mereka akan mempunyai perasaan ingin tahu dan mempunyai pandangan positif terhadap individu dan kumpulan yang berlainan dengan budayanya. Ini membolehkan seseorang itu menerima individu daripada kumpulan budaya yang berlainan dengan budayanya.

Teori Standpoint (Standpoint Theory)

Teori Standpoint berasaskan kepada realiti yang berlaku. Untuk menjustifikasikan apa yang berlaku, seseorang itu perlu memahami budaya masyarakat lain. Riley (1992) berpendapat, untuk mendalami pelbagai budaya, seseorang itu perlu memahami budayanya sendiri terlebih dahulu, kemudian barulah membuat penilaian terhadap budaya orang lain. Budaya yang diketahui itu berkemungkinan mewakili budaya majoriti ataupun budaya

minoriti. Contohnya kumpulan yang merupakan kumpulan orang berkulit putih atau berkulit hitam, antara wanita dengan lelaki, ataupun antara mereka yang status ekonominya yang berlainan. Teori ini membantu pelajar-pelajar memahami realiti yang berlaku dalam sesuatu budaya. Riley mendapati ramai pelajar yang menilai sesuatu budaya berdasarkan pandangannya sendiri tanpa mengambilkira dan mempertimbangkan realiti yang berlaku, contohnya pelajar-pelajar mendapati pengalaman mereka hanya tertumpu kepada budaya majoriti seperti membicarakan tentang kaum lelaki, golongan tentera dan ahli politik.

Riley membuktikan Teori Standpoint dengan menyuruh pelajar-pelajar menceritakan sejarah dan kehidupan keluarga mereka di dalam kelas. Aktiviti ini telah menyedarkan para pelajar bahawa terdapat kepelbagaiannya dalam sesuatu keluarga walaupun mereka berasal dari kumpulan yang sama. Aktiviti tersebut memberi pengertian yang besar kepada mereka dalam memahami budaya kumpulan yang lain. Jelas di sini bahawa aktiviti ini membolehkan pelajar-pelajar memahami budaya sesuatu bangsa walaupun sudut pandangan itu berpaksikan budayanya sendiri.

Gordon (1970) membincangkan Teori Asimilasi berdasarkan realiti yang berlaku di Amerika Syarikat. Menurut beliau usaha mewujudkan perpaduan dilakukan dengan menggunakan berbagai-bagai pendekatan. Misalnya melalui 'Anglo-Comformity' di mana orang-orang bukan kulit putih boleh mengikuti cara hidup orang-orang kulit putih. Perlakuan yang sedemikian lama-kelamaan akan melahirkan persefahaman di antara kumpulan-kumpulan tersebut.

Cara selainnya ialah, melalui kahwin campur, hubungan antara individu yang diasaskan melalui kahwin campur ini akan membolehkan mereka lebih memahami budaya kumpulan yang lain, seterusnya kedua-dua budaya ini akan saling mempengaruhi kehidupan kumpulan tersebut. Aspek yang lebih ketara ialah penggunaan Bahasa Inggeris yang dianggap sebagai alat perpaduan yang lebih berkesan.

Kajian-Kajian Yang Berkaitan

Moyer dan Engelbrecht (1977) berpendapat pembinaan sikap dan perangai kanak-kanak dipengaruhi oleh pendidikan tentang tradisi, budaya dan idea-idea tentang sesuatu masyarakat. Kanak-kanak sepatutnya memahami cara perhubungan dengan rakan-rakan yang berbilang kaum, ini adalah untuk menggalakkan perhubungan yang lebih harmoni

terutamanya dalam masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang budaya. Kekurangan pengetahuan terhadap budaya kaum lain akan melahirkan kanak-kanak yang berpandangan stereotaip dan kadang kala akan melanggar norma-norma yang diamalkan oleh masyarakat yang lain.

Lee (1994) dalam kertas kerjanya, menyatakan pendidikan pelbagai budaya bukan semata-mata perubahan kurikulum, tetapi juga perubahan dalam pedagogi. Lee membuat beberapa tinjauan terhadap masalah-masalah yang timbul dalam melaksanakan pendidikan pelbagai budaya. Sama ada pendidikan pelbagai budaya ini untuk mengeratkan perhubungan sesama manusia, untuk mengajar dengan lebih berkesan, mahupun untuk menyusun semula masyarakat, kerajaan harus memberi penekanan yang serius kepada matlamatnya, iaitu menyediakan infrastruktur pendidikan pelbagai budaya yang berkesan kepada pelajar-pelajar.

DiMartino (1989) pula, berpendapat bahawa guru yang memahami pelajar-pelajar yang datang dari pelbagai budaya akan memudahkan mereka menjalankan proses pengajaran dan pemelajaran. Menurutnya, guru haruslah menekankan soal amalan budaya seperti cara hidup dalam sesuatu keluarga serta memahami peraturan dalam masyarakat.

Sejak awal-awal lagi Edward (1871) menjelaskan bahawa budaya adalah, keseluruhan daripada sesuatu yang kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan,

kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam dan apa juga kebolehan serta kebiasaan oleh manusia sebagai ahli satu masyarakat.

Bierstedt (1970) dalam bukunya *Social Order* menyatakan kebudayaan adalah kesemua yang kita fikir, perkara yang kita lakukan dan apa yang kita punyai sebagai ahli dalam masyarakat.

Wells (1994) juga berpendapat pendidikan pelbagai budaya harus diberi perhatian. Menurutnya, sekolah merupakan institusi pendidikan formal yang boleh menyediakan wadah pendidikan pelbagai budaya. Sekolah boleh bertindak sebagai agen sosialisasi yang mampu membentuk tingkahlaku pelajar yang diterima oleh masyarakat tersebut.

Safiah Osman (1992) dalam artikelnya menegaskan peri pentingnya pendidikan pelbagai budaya dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan berbilang budaya:

...there is a need to recognize the desirability and the necessity of helping students gain a new world of experiences, new cultural awareness,...In Malaysia, it is clearly the case that diversity surfaces not only along ethnic, linguistic, cultural, gender but also along social class lines. (hlm. 5)

Gay (1994) menjelaskan bahawa guru harus membina struktur dan menyediakan strategi pendidikan pelbagai budaya untuk membantu pelajar-pelajar menyesuaikan dengan konteks masyarakat. Beliau juga mengemukakan

beberapa persoalan yang penting seperti; perkaitan antara pengetahuan dengan pendidikan pelbagai budaya, perspektif dan prinsip-prinsip pendidikan budaya.

Harris dan Marvin (1968) menerangkan konsep budaya sebagai:

...the culture concept comes to behavior patterns associated with particular groups of people, that is to 'customs' or to a people's way of life. (hlm. 16)

Budaya merupakan aspek atau pola tingkah laku sekumpulan manusia atau dalam ertikata lain sebagai satu cara hidup sesuatu kumpulan manusia. Ini bermakna budaya merujuk kepada perhubungan antara manusia dalam sesuatu sistem sosial yang terdapat dalam sesuatu masyarakat.

Smolicz (1981) menjelaskan pendidikan pelbagai budaya merangkumi perlakuan-perlakuan dalam kumpulan majoriti dan minoriti. Ini bererti individu yang datang dari kumpulan majoriti mahu pun minoriti boleh mengaplikasikan lebih daripada satu budaya dalam kehidupan hariannya, seperti dalam penggunaan bahasa, perlakuan sosial, perlakuan berkeluarga, ideologi dan sebagainya. Seterusnya pendedahan ini akan membolehkan seseorang individu itu menyesuaikan budaya-budaya lain dalam kehidupannya.

Havighurst (1962) menjelaskan budaya merupakan satu cara hidup yang merujuk kepada norma-norma (*body of norms*), nilai, sikap dan perlakuan-perlakuan yang diiktiraf dan dikongsi bersama dalam masyarakat tersebut. Kematangan moral akan melahirkan sifat altruistik, toleransi, bekerjasama, peka kepada konsekuensi sosial dan menghormati orang lain. Kesemua unsur ini akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang saling mempercayai di antara satu sama lain.

Ramsey (1987) dalam bukunya menjelaskan, sikap guru akan memberi pengaruh yang besar kepada pandangan kanak-kanak, beliau menegaskan pendidikan pelbagai budaya merupakan hasrat untuk memberi pengetahuan yang positif kepada pelajar-pelajar tentang; gender, kaum, kelas dan identiti individu yang menganggap mereka datang dari masyarakat yang besar.

Smith (1962) juga berpendapat bahawa budaya merupakan bentuk-bentuk kepercayaan (*a body of beliefs*) yang merangkumi amalan-amalan yang lazim dipraktikkan oleh semua golongan dalam sesuatu masyarakat, contohnya nilai-nilai kesusilaan bahasa dalam konteks masyarakat sesuatu kaum. Sekiranya kita menggunakan sesuatu bahasa mengikut nilai-nilai yang dipersetujui oleh masyarakat tersebut, kita akan mewujudkan keadaan yang harmoni semasa berkomunikasi.

Lewis (1994) dalam artikelnya membincangkan beberapa isu yang berkaitan dengan etnik yang mempunyai pelbagai budaya. Lewis menegaskan pemahaman terhadap budaya etnik lain akan meningkatkan sikap toleransi. Ini akan menjadikan seseorang itu lebih mengamalkan nilai-nilai yang diterima oleh masyarakat tersebut. Dalam waktu yang sama pula seseorang itu akan mengetahui dan memahami lebih banyak budaya.

Saario, Tittle dan Jackin (1973) mengkaji budaya gender dalam buku teks bacaan peringkat asas. Mereka mengkaji sebanyak 270 buah buku teks bacaan peringkat asas daripada 4 penerbit yang utama di California. Analisis mereka menunjukkan kurangnya penonjolan watak-watak perempuan berbanding dengan watak-watak lelaki. Ciri-ciri watak lelaki yang dikaji menunjukkan mereka berupaya menyelesaikan masalah, memiliki kekuatan fizikal, aktif, cerdas dan sebagainya. Manakala watak perempuan pula digambarkan sebaliknya seperti; pasif, pengikut, dan patuh kepada arahan.

Hamlin (1982) juga telah membuat analisis terhadap buku-buku yang diterbitkan dari tahun 1680an hingga 1970an. Kajiannya mendapati bahawa buku-buku yang diterbitkan sebelum pertengahan 1970 mempunyai ciri-ciri yang menyebelahi lelaki dari segi kuantiti dan kualiti. Perubahan perlahan-lahan berlaku pada tahun-tahun 1975, pengarang mula mengurangkan stereotaip jantina kerana pada tahun-tahun tersebut telah wujud emansipasi wanita.

Perubahan ini telah memberi pengaruh besar ke atas karya-karya yang dihasilkan pada tahun-tahun yang berikutnya. Selepas itu barulah watak-watak wanita digambarkan sebagai memegang jawatan yang dahulunya dimonopoli oleh kaum lelaki, seperti sebagai ahli astronomi, doktor haiwan, jurutera, penulis dan sebagainya.

Adnan Kamis (1987) menjelaskan bahawa kehidupan sesuatu masyarakat merupakan satu proses yang berterusan dan bersambungan. Institusi pendidikan merupakan salah satu agensi yang meneruskan pembudayaan itu. Dengan itu pendidikan pelbagai budaya ini akan membolehkan para pelajar mengenali identiti negara ini.

Ghandi (1977) pula, mengkaji buku teks bacaan di Iran. Kajian beliau lebih menumpukan perhatian kepada nilai-nilai sosial dan nilai-nilai moral yang terdapat dalam buku teks bacaan di Iran. Penemuan kajiananya menunjukkan buku teks bacaan di Iran mencerminkan 4 nilai yang utama iaitu pendidikan, pekerjaan, kenegaraan dan kekeluargaan. Lain-lain nilai budaya tidak begitu mendapat perhatian penulis buku teks bacaan di negara tersebut.

Golden (1965) telah mengkaji buku teks Pengajian Sosial di peringkat sekolah rendah. Kajian beliau merangkumi polisi terhadap kaum minoriti seperti; peluang-peluang yang disediakan, perbezaan budaya dan taraf kedudukan. Hasil penemuan Golden menunjukkan 6

daripada 13 buah buku teks yang selalu digunakan menonjolkan kaum minoriti. Kaum imigran Eropah dan Yahudi dicerminkan dalam buku teks gred dua. Manakala buku teks gred tiga mencerminkan banyak kaum minoriti seperti orang Indian, Negro, Eropah, Timur dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan seperti perumahan, rekreasi, sekolah dan penerimaan sosial kurang mendapat perhatian penulis buku teks. Manakala taraf pekerjaan pula lebih ditumpukan kepada kaum Negro.

Sigler (1979) mengkaji 37 buah buku teks Pengajian Sosial yang memberi penumpuan kepada kaum kulit hitam, orang Cina, Jepun, Mexico dan Indian yang telah menjadi warganegara Amerika. Kajiannya mendapati bahawa kaum minoriti Indian yang merupakan kaum minoriti yang pertama membuat tuntutan hak. Manakala kaum kulit hitam Amerika yang paling kerap didiskriminasikan, dan diikuti oleh kaum Mexican-American. Kaum Cina-Amerika pula merupakan kaum yang paling kurang mendapat perhatian penulis buku teks.

Unsur-unsur kebudayaan yang dicerminkan dalam buku teks pula mendapat perhatian Kapili (1969). Beliau mengkaji unsur-unsur kebudayaan yang terdapat dalam bahan-bahan bacaan di sekolah menengah di Filipina. Kajiannya mendapati bahawa bahan-bahan bacaan di peringkat sekolah menengah tidak mencerminkan ciri-ciri budaya negara tersebut.

Di Malaysia pula, usaha menganalisis budaya gender dilakukan oleh Saedah Siraj (1990). Beliau telah menganalisis 149 cerita dan 190 gambar dalam buku teks Bahasa Melayu dari tahun dua hingga tahun enam sekolah rendah. Beliau mendapati terdapat stereotaiping jantina dalam buku teks Bahasa Melayu yang dikajinya dalam bentuk bertulis mahupun bentuk gambar rajah. Beliau mendapati watak-watak perempuan tidak digambarkan sebagai memiliki ciri-ciri kepimpinan dan ciri-ciri profesional. Menurutnya watak-watak perempuan hanya digambarkan dalam aktiviti penjenisan jantina seperti pekerjaan yang tidak memerlukan kekuatan fizikal.

Dol Ramli (1984) dalam kertas kerjanya menegaskan muzik berperanan sebagai alat pembangunan dan perpaduan negara. Muzik sekiranya dipergunakan secara bijak dan menyeluruh, dan diaturkan pendekatan secara bersepadau, maka muzik boleh dijadikan alat membantu memajukan perkembangan proses pembangunan dan perpaduan negara Malaysia yang majmuk masyarakatnya. Ini disebabkan keadaan semulajadi muzik yang boleh mempesona perasaan sesiapa juar yang mendengarnya, tidak kira mereka itu terdiri daripada kumpulan muda mudik, mahupun orang dewasa, malah tidak kira pangkat dan darjatnya.

Ongkili (1984) dalam artikelnya menegaskan kita perlu mengenali dan memahami unsur-unsur kebudayaan masyarakat majmuk yang terdapat di negara kita.

Keperibadian Malaysia mestilah mengambil kira berbagai-

bagai unsur sosial dan budaya yang ada pada kaum-kaum atau keturunan-keturunan yang menjadi rakyat Malaysia.

Semua kaum atau keturunan di Malaysia yang telah mempunyai kesedaran mahukan aspek-aspek kebudayaan mereka dimasukkan ke dalam sebarang usaha mengenalpasti corak kebudayaan kebangsaan Malaysia yang diidam-idamkan itu. Dengan itu tiada satu kaum atau keturunan yang rela unsur-unsur sosiobudaya mereka tercicir daripada usaha menyaring dan mengembangkan kebudayaan kebangsaan.